

بَلْهُمْ
يَدْعُونَ

BAB 3

SENI KALIGRAFI ISLAM DI MALAYSIA

3.1 PENDAHULUAN

Kesenian kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai hubungan yang langsung dengan sejarah kemasukan agama Islam ke Alam Melayu pada suatu masa yang lalu. Kedatangan Islam telah membawa perubahan kebudayaan yang berpangkal kepada ajaran Tauhid dan demokratis, bahkan menukar kepercayaan Hindu-Buddha kepada Islam dengan mengolah dan meniup semangat baru kepada kebudayaan sebelumnya.

Oleh itu, setiap hasil karya termasuk yang menunjangi pernyataan jiwa dan estetika, seperti seni kaligrafi Islam, adalah berpangkalan pada ajaran pokok tadi. Setiap hasil, sama ada berbentuk rohaniah atau kebendaan, merupakan manifestasi keimanan dan kebaktian kepada Allah s.w.t.

3.2 SEJARAH KEMASUKAN AGAMA ISLAM KE ALAM MELAYU

Ahli-ahli sejarah mempunyai berbagai-bagai pendapat dan teori mengenai kedatangan Islam ke Alam Melayu. Sehingga hari ini mereka masih belum dapat memberikan satu kepastian yang mutlak mengenai tarikh sebenarnya Islam bertapak, tempat yang terawal menerima Islam dan juga bagaimana kedatangan Islam ke Alam

Melayu. Hal ini disebabkan kurangnya bahan-bahan penyelidikan yang dapat dikesan oleh ahli-ahli sejarah setakat ini.

Sebagai rumusannya, hingga setakat ini, sarjana-sarjana bersetuju bahawa agama Islam telah dibawa masuk ke Alam Melayu seawal-awal abad ke-7 M atau abad ke-13 M. Kenyataan ini berdasarkan pada hubungan perdagangan antara negara Arab dengan negeri-negeri di Alam Melayu telah wujud sebelum muncul agama Islam lagi, iaitu pada sekitar abad ke-5 M. Alam Melayu pada waktu itu merupakan lokasi yang strategik bagi persinggahan kapal-kapal pedagang Arab yang belayar ke negara China.

Kedatangan Islam telah memberi sumbangan yang besar kepada ketamadunan di Alam Melayu. Islam telah membawa pemikiran baru dengan konsep-konsep rasionalisme, intelektualisme dan perkembangan pada sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan (S.M. Naquib al-Attas, 1972:20).

Perkembangan intelektualisme selepas kedatangan Islam berlaku bukan sahaja di pusat-pusat kebudayaan di istana atau keraton yang merupakan sebagai *Great Tradition* seperti dalam zaman Hindu, tetapi kegiatan intelektualisme ini turut tersebar di kalangan *Little Tradition*. Hal ini kerana tradisi keilmuan, falsafah dan pemikiran merupakan tradisi budaya yang amat dituntut oleh Islam. Terdapat 800 ayat al-Quran berkaitan dengan ilmu dan tidak ada agama atau kebudayaan lain yang menekankan perihal pentingnya ilmu dalam kehidupan manusia.

3.2.1 Teori Kedatangan Agama Islam

Ada beberapa teori tentang kedatangan agama Islam ke Alam Melayu. Ada yang mengatakan Islam datang secara langsung dari negeri Arab, India dan China. Mengikut ahli-ahli sejarah Arab, seperti Al-Tabari dan al-Masudi, bahawa orang-orang Arab telah berada di Timur Jauh semenjak tahun Hijrah yang pertama atau abad ketujuh Masihi lagi. Mereka datang ke Alam Melayu melalui jalan laut, bermula dari pantai Jeddah menerusi Laut Merah terus ke Aden, selatan Semenanjung Arab, kemudian ke Gujerat (India) dan seterusnya ke Gugusan Kepulauan Melayu. Manakala yang mengikuti jalan darat bermula dari Syria atau Iraq ke Khurasan, utara Parsi ke Afghanistan kemudian ke negeri China dan akhirnya ke Kepulauan Melayu (Mahayudin Haji Yahaya, 1998:6).

Terdapat kapal-kapal pedagang yang belayar berulang alik antara Tanah Arab dengan Negeri China pada abad ke-5 M dan mereka mempunyai pusat-pusat perniagaan di sepanjang pelabuhan dari Canton ke Tanah Arab. Pada abad ke-8 M, pedagang Arab dan bukan Arab telah menduduki beberapa pusat pelabuhan penting di sebelah Timur, antaranya ialah Malabar, selatan India, Kadarang (Phang Rang), Vietnam Selatan dan Canton.

Kenyataan ini diperkuahkan lagi apabila seorang pengembara China, iaitu I-Tsing menyatakan bahawa beliau telah belayar dalam sebuah kapal kepunyaan saudagar Arab dari Canton ke Sumatera dalam tahun 671 M. Menurut rekod China, pada tahun 650 M terdapat sebuah negeri di Sumatera Utara, iaitu Ta Shi yang telah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan China. Ta Shi bermaksud orang Islam (Mustafa Mohd. Isa, 1999:5).

Sementara itu, pada tahun 878 M telah berlaku pemberontakan di Canton yang menyebabkan ramai pedagang Arab dan Parsi berhijrah dan mengalihkan pusat kegiatan perdagangan mereka ke Melaka.² Kebanyakan mereka yang beragama Islam telah memainkan peranan menyebarkan agama Islam sehingga terbentuknya kerajaan Islam Perlak (1225-1263), kerajaan Samudera-Pasai (1261-1289) dan seterusnya kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 M (Mahayudin Haji Yahaya, 1998:6).

Islam juga telah berkembang di Alam Melayu pada permulaan abad Hijrah lagi. Seorang sarjana Barat, Arnold menyatakan bahawa Islam telah dibawa oleh pengembang ajaran Islam ke Alam Melayu sejak abad ke-7 M lagi (Arnold, T.W., 1968:367). Selepas abad ke-7, agama Islam telah berkembang di rantau ini. Antara catatan-catatan sejarah yang menunjukkan tarikh perkembangan Islam pada zaman permulaan ialah penemuan satu batu nisan yang diukir dengan tulisan Arab milik seorang wanita Islam yang bernama Fatimah Binti Maimun bin Haibatullah, bertarikh 1082 M atau 1102 M yang ditemui di Leran, Gerisik, Jawa (Othman Mohd. Yatim, 1989:23; 1995:16-17; Hashim Musa, 1997:364).

Semenjak orang-orang Mongol mengganggu perjalanan perdagangan di darat yang menyeberangi benua Asia pada abad ke-13 M, perdagangan antara Timur dengan Barat dijalankan melalui jalan laut. Hal ini menyebabkan perhubungan antara orang-orang Islam dari Tanah Arab, Parsi dan India dengan masyarakat di Alam Melayu bertambah rapat. Cambay, iaitu pelabuhan utama Gujerat, telah menjadi tumpuan para pedagang Arab, Parsi dan India serta berperanan penting dalam perdagangan rempah

² Ada penulis yang mengatakan bahawa terdapat seramai 120 000 pedagang Islam yang tinggal di Canton. Setelah berlakunya pemberontakan di selatan China, pedagang-pedagang ini telah berhijrah pula ke negeri Kedah dan Palembang. Sila lihat Mohd Jamil Mukmin, 1992, **Sejarah Perkembangan Islam**, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, hlm. 304.

ratus dengan Alam Melayu. Melalui kegiatan perdagangan ini Islam dengan sendirinya telah berkembang ke Alam Melayu (Mohd Jamil Mukmin, 1992:304).

Seorang pengembara Venice yang terkenal pada abad ke-13 M, iaitu Marco Polo, telah sampai di Perlak, Sumatera Utara pada tahun 1292 M dan beliau mendapati ramai penduduk di situ yang telah menganut agama Islam (Ismail Hamid, 1985:173). Kemudian pada tahun 1345 M, Raja Sumatera iaitu Sultan Malik Al-Zahir II, telah dikunjungi oleh seorang pengembara Arab dan Islam yang terkenal iaitu Ibnu Battutah. Beliau mengungkapkan kekagumannya tentang usaha-usaha Sultan Malik Al-Zahir mengembangkan ajaran Islam di Sumatera Utara.

3.2.2 Perkembangan Dan Implikasi Penyebaran Agama Islam

Sebelum bertapaknya Islam di Alam Melayu, masyarakat Melayu sudah pun mempunyai peradaban yang tinggi kerana mereka telah ditamadunkan oleh kedatangan pengaruh Hindu-Buddha sejak 2000 tahun lalu. Islam yang tiba di Alam Melayu sudah mencapai kemuncak peradabannya pada abad ke-7 hingga ke-13 M dan telah mengatasi kebudayaan-kebudayaan lain yang wujud sebelumnya.

Menjelang abad ke-16 dan 17 M, hampir keseluruhan masyarakat di Alam Melayu menganut agama Islam. Pada masa yang sama muncul beberapa buah kerajaan Islam di Alam Melayu yang menjadi tempat operasi gerakan dakwah Islamiah. Antara kerajaan-kerajaan Islam yang terkenal ialah Samudera-Pasai (1280-1400 M), Melaka (1400-1511 M), Acheh (1511-1650) dan Johor-Riau (1650-1800 M).

Perkembangan agama Islam juga mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan-kerajaan Islam itu, terutamanya dalam aspek perdagangan, politik dan sebagai pusat kebudayaan Melayu Islam. Tempat-tempat itu merupakan lokasi strategik untuk ulama-ulama Islam berkumpul dan memberi fatwa mengenai ajaran Islam. Umpamanya, pada zaman awal kerajaan Melayu Melaka, Kitab Darul Manzum telah dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh ulama Pasai. Acheh pula dianggap sebagai “serambi Mekah” kerana ia merupakan pusat pengajaran dan pembelajaran Islam bagi pelajar-pelajar sebelum pergi ke Mekah.

Hasil usaha gigih para ulama telah membawa kepada perkembangan Islam dan sekaligus melenyapkan pengaruh Hindu-Buddha yang telah lama mendominasi tatacara kehidupan masyarakat di Alam Melayu dalam jangka masa yang amat singkat. Hingga penghujung abad ke-15 M, perkembangan agama Islam telah mencapai kemajuan yang mengagumkan, iaitu bermula dari Pulau Sumatera hingga melangkaui Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Terengganu, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Selangor, Perak, dan Kedah, sehinggalah akhirnya meliputi keseluruhan wilayah-wilayah di Asia Tenggara.

Sikap Islam yang “*receptive*” dan “*accommodative*” dalam proses seleksi menerima budaya asing dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islamnya, menyebabkan Islam dalam waktu yang relatifnya singkat, telah diterima umum tanpa apa-apa tentangan. Peradaban Islam itu sendiri sebenarnya telah banyak mengadaptasikan warisan kebudayaan dari Greek, Parsi, India, tradisi barat dan juga timur. Justeru itulah Islam tidak menghadapi kesulitan apabila berdepan dengan kebudayaan Melayu asal yang kuat dipengaruhi oleh peradaban Hindu-Buddha, Islam dapat mengaturnya dengan baik (A. Aziz Deraman, 1986:10).

Implikasi penyebaran Islam telah merubah peradaban Melayu yang asal dan terarah kepada perubahan jiwa masyarakat Melayu iaitu kepercayaan, sikap, sifat dan pemikiran. Perubahan turut berlaku dalam aspek-aspek kebudayaan, sosial, ekonomi, politik dan pentadbiran. Menurut Abdul Rahman Rukaini, “*internal change*” akan memberi kesan “*external change*” kepada masyarakat Melayu di Alam Melayu (Dipetik daripada Abdul Rahman Rukaini, dalam Jazamuddin Baharuddin (ed.), 1980:192).

Perubahan ini merangkumi perubahan *world view* atau *weltanschauung*, kepercayaan kepada Tuhan Yang Esa dan pemikiran rasional yang dicirikan oleh perubahan intelektual yang tinggi. Perubahan ini menjadikan masyarakat Melayu sebagai *khairu ummah* (Al-Quran, Ali-'Imran:110) dan *ahsanu taqwim* (Al-Quran, At-Tiin:4). Kalimah ini amat sesuai dengan lafaz *ya'qilun – ta'qilun* dan *yatafakkarun – tatafakkarun*. Kalimat ini banyak disebut dalam al-Quran dalam bentuk *insya'i* (ayat tanya) dan *khabari* (ayat cerita), sebagai mendorong manusia menggunakan akal fikiran.

Islam juga telah merubah paksi kehidupan masyarakat Melayu yang telah melalui sejarah ribuan tahun itu, kepada zaman baru yang mendokong ciri-ciri rasionalisme, intelektualisme, keadilan dan kemuliaan peribadi insan serta meninggalkan unsur-unsur jahiliah. Dapatlah dikatakan bahawa kedatangan Islam telah memberi nafas baru dengan merubah seluruh struktur pandangan hidup orang-orang Melayu dimulai dengan aspek akidah hingga ke aspek akliyah (A. Aziz Deraman (ed.), 1978:76).

Perkembangan Islam telah menjadi sebahagian penting modul yang melambangkan rantau Alam Melayu ini sebagai suatu ketamadunan Islam yang terunggul. Modus operandi ini diterima dalam kerangka perkembangan ideal Islam

sebagai lanjutan daripada proses sejarah yang berjaya mencapai suatu tahap perkembangan yang mantap dan matang.

3.3 PERTUMBUHAN SENI KALIGRAFI ISLAM DI MALAYSIA

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu disertai dengan seni budaya Islam iaitu seni tulisan Arab yang telah menggantikan tulisan kuno Hindu. Tulisan Arab ini kemudian dimaktubkan menjadi tulisan jawi, iaitu asas kepada seni penulisan kaligrafi Islam. Tulisan Arab yang terawal di Tanah Melayu terbukti dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702 H bersamaan dengan 1303 M yang telah ditemui di Sungai Teresat, Kuala Berang, Hulu Terengganu (Amat Juhari Moain, 1996:20).

3.3.1 Kemunculan Tulisan Jawi

Wujudnya tulisan di Alam Melayu adalah seiring dengan proses Islamisasi di seluruh rantau ini. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat di Alam Melayu tergolong dalam kategori buta huruf. Walaupun pada masa itu telah wujud sistem tulisan, namun penggunaannya adalah amat terhad sekali, iaitu meliputi tulisan Sanskrit dan tulisan Jawa Kuno, yang hanya dapat difahami oleh segelintir sami Hindu dan golongan keraton.

Mustafa Haji Daud yang telah mengutarakan pendapat yang dipetik daripada Ismail Hamid, menegaskan bahawa masyarakat di Alam Melayu berkesempatan mengenali tulisan setelah datangnya Islam ke rantau ini (Mustafa Haji Daud, 1994:99).

Islam telah membawa bersamanya tulisan Arab yang kemudiannya dijadikan sebagai tulisan Melayu, dikenali sebagai tulisan Jawi, yang mempunyai beberapa tambahan huruf istimewa menjadikannya berjumlah 29 huruf. Jelaslah bahawa tulisan Jawi ini telah mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972:43).

Tulisan Jawi adalah warisan bangsa dan negara yang di dalamnya terakam kekayaan khazanah tradisi kebudayaan, kesusasteraan, kepercayaan dan falsafah bangsa turun-temurun. Tulisan Jawi juga merupakan unsur kebudayaan peribumi dan kebudayaan kebangsaan yang dapat dimanfaatkan untuk perpaduan dan persefahaman seluruh warganegara dan memupuk perasaan kesetianegaraan (Buku Cenderamata, “Konvensyen Tulisan Jawi”, 1984:3).

Tulisan Melayu huruf Arab atau tulisan Jawi telah digunakan di Alam Melayu sejak berkembangnya pengaruh ajaran Islam. Tulisan Jawi merupakan tulisan dalam bahasa dan persuratan Melayu, yang telah menjadi alat komunikasi tunggal sejak 500 tahun lalu di Alam Melayu dalam aspek perdagangan dan penyebaran ilmu pengetahuan, terutamanya ilmu-ilmu agama.

Istilah jawi itu berasal daripada kata nama bahasa Arab *al-Jawah*. Apabila dijadikan kata adjektif *al-Jawah* menjadi Jawi. Perkataan *al-Jawah* atau Jawi berkemungkinan besar berasal daripada perkataan *Javadwipa* iaitu nama bagi daerah di Asia Tenggara pada suatu masa dahulu. Kata Java, iaitu sebahagian daripada perkataan Javadwipa, digunakan oleh orang Arab yang merujuk kepada keseluruhan daerah Asia Tenggara itu. Kenyataan ini adalah relevan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Umar Awang yang dipetik oleh Mustafa Haji Daud,

“...huruf dan istilah tulisan jawi ini diberikan sempena kebiasaan orang Arab di Semenanjung Tanah Arab yang mengenali Alam Melayu sebagai Jawi. Hal ini dapat dilihat dalam kitab Rihlah karangan Ibnu Batutah yang mengesahkan pengembaraannya ke seluruh dunia dan menggelar Alam Melayu sebagai al-Jawah” (Mustafa Haji Daud, 1994:99).

Kenyataan ini juga merupakan kesinambungan pendapat yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, bahawa istilah Jawi itu juga adalah gelaran orang-orang Arab kepada penduduk-penduduk di daerah di Alam Melayu. Jadi, istilah Jawi yang diberikan kepada tulisan Jawi adalah merujuk kepada nama gelaran penduduk-penduduk di daerah tersebut. Ini adalah berdasarkan pada tulisan beliau dalam karyanya Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu, iaitu,

“...orang Melayu sendiri menamakan bahasanya bahasa Jawi, meskipun istilah Jawi itu sebenarnya digunakan oleh mereka khusus bagi menamakan tulisan Arab-Melayu – seolah-olah orang Melayu kala itu menamakan bahasanya berdasarkan pada tulisannya” (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972:43).

Ada juga yang berpendapat bahawa perkataan Jawi itu berasal daripada keluarga Jawani yang berhijrah ke Pasai. Keluarga ini dipercayai telah memperkenalkan tulisan Jawi (Mustafa Mohd. Isa, 1999:6). Keluarga Jawani merupakan kumpulan orang Parsi yang berhijrah ke Nusantara pada abad ke-10 M.

Bahasa Melayu dengan tulisan jawinya telah berjaya merakamkan khazanah ilmu dunia dan akhirat yang lengkap, merangkumi pelbagai bidang hidup. Khazanah ini kemudiannya menjelma ke dalam Bahasa Melayu untuk membuktikan keupayaannya dalam suatu kesimbungan yang kukuh sebagai media pengucapan ilmu pengetahuan yang mencerminkan ketamadunan dan kebudayaan Melayu-Islam yang tinggi.

3.3.2 Hubungan Seni Kaligrafi Islam Dengan Tulisan Arab Dan Tulisan Jawi

Seni kaligrafi Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan Arab dan Jawi. Tulisan Arab yang digunakan untuk penulisan bahasa Arab sekaligus merupakan bahasa al-Quran. Al-Quran telah ditanzilkan ke dalam bahasa Arab dan mempunyai unsur *i'jaz* iaitu sifat-sifat keunggulan bahasa al-Quran yang teragung berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Jadi, huruf-huruf Arab telah digunakan oleh semua orang Islam sama ada yang berbangsa Arab, Turki, Sepanyol, India, Melayu atau lainnya pada zaman silam sebagai bahasa ilmu dan komunikasi yang mencerminkan suatu ketamadunan Islam yang besar ertiannya kepada umat Islam di seluruh dunia. Hal ini amat relevan dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (S.M.N al-Attas, 1969:19) yang dipetik oleh Mahayudin Haji Yahaya (1998:62),

“Arabic is the language of Islam and no language of any muslim people, whether or not it has achieved a lofty rank in civilization is without the profound influence of Arabic”.

Justifikasi itu telah menyebabkan tulisan Arab telah digarap dan menjadi tulisan Jawi yang dimanifestasikan ke dalam aspek kesenian kaligrafi Islam.

Tulisan Jawi terdiri daripada huruf-huruf tulisan bahasa Arab yang dibawa ke Alam Melayu seiring dengan kemasukan agama Islam. Kemudian, huruf-huruf Arab itu dimaktubkan sebagai tulisan dalam persuratan Melayu setelah mengalami proses pengubahsuaian dengan penambahan tiga vokal, iaitu “i”, “a” dan “u”. Oleh yang demikian, pewujudan vokal-vokal lain dalam persuratan Melayu adalah berdasarkan tekaan pada vokal yang terdekat seperti lambang vokal “wau” (dalam tulisan Arab)

boleh berdiri sebagai lambang “o” atau diftong “aw” (Dipetik daripada Asmah Haji Omar, dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, dan Abdul Rahman Al-Ahmadi (ed.), 1993:536). Ini menyebabkan tulisan Jawi terus terarah kepada puncak perkembangannya melalui penulisan kaligrafi yang beraneka gaya.

Perkembangan ini boleh dilihat berdasarkan sejarah tulisan Jawi yang telah dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu penghilangan unsur-unsur bahasa Arab atau pembentukan unsur-unsur Melayu sejati (1300-1600 M), proses pemvokalan sebahagian (1600-1900 M), dan proses pemvokalan sempurna (1900-1980 M) (Kang Kyoung Seock, 1986:99).

Pendekatan yang dinyatakan oleh Kang Kyoung Seock memiliki kesejajaran apabila masyarakat Melayu mula mencipta huruf-huruf tambahan yang tidak terdapat dalam huruf Arab bagi menyesuaikannya dengan bunyi bahasa Melayu. Bukti penyebaran agama Islam juga telah mempengaruhi bahasa Melayu yang kemudiannya ditulis dalam tulisan Jawi.

Berasaskan huruf-huruf Arab, iaitu “jim”, “ayn”, “fa”, “kaf”, dan “nun”, tulisan Jawi telah melalui proses evolusi perubahan, dan penambahan fonim-fonim dibentuk untuk menandakan huruf-huruf dan bunyi-bunyi yang lazim dalam bahasa Melayu, seperti “cha”, “nga”, “pa”, “ga” dan “nya” (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972:41; Buku Cenderamata, “Kalamu-Illah”, 1995:8). Bermula dengan tulisan Arab inilah tulisan Jawi kemudiannya berkembang dan digunakan secara meluas di rantau ini untuk tujuan penulisan ilmiah selain tulisan Arab sendiri, umpamanya tulisan itu diaplikasikan dalam penulisan kaligrafi yang begitu indah.

Perkembangan tulisan Arab dan tulisan Jawi yang dimanifestasikan dalam kesenian kaligrafi Islam menjadikannya tidak lagi wajar digelar kaligrafi atau khat Arab, atau sekurang-kurangnya milik masyarakat Arab. Justifikasi yang tepat diberikan kepada gelaran ini adalah *kaligrafi Islam*, kerana ia merupakan milik keseluruhan masyarakat Islam.

Manakala menurut Muhamni Hj. Abdul Ghani, beliau telah membuat penyeluruhan dan rumusan terhadap tulisan dan huruf-huruf Arab ini apabila diaplikasikan sebagai alat tulisan bahasa Melayu yang dinamakan sebagai tulisan Jawi, bukannya tulisan Melayu atau tulisan Arab-Melayu dengan berdasarkan kenyataannya yang dipetik dari pendeta Za'ba,

“Tulisan Melayu huruf Arab itu biasa disebut di Malaya sekarang ‘tulisan Jawi’. Ini adalah mengikut makna perkataan ‘Jawi’ dalam rangkai kata seperti Tanah Jawi, orang Jawi, datang dari Jawi, turun ke Jawi, Kitab Jawi, ulama Jawi, masuk Jawi dan sebagainya” (Muhamni Hj. Abdul Ghani, 1988:1-2).

Berdasarkan kenyataan di atas, wajarlah kaligrafi Arab dan tulisan Jawi mempunyai hubungan langsung dengan kesenian kaligrafi Islam. Hubungan yang tidak terlerai ini dilihat dari aspek kedua-dua tulisan ini. Tulisan Arab mahupun tulisan Jawi merupakan unsur-unsur penting dalam penulisan dan penghasilan kesenian kaligrafi Islam.

3.3.3 Perkembangan Seni Kaligrafi Islam Di Malaysia

Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu pada abad ke-7 hingga ke-13 M telah menuntut perkembangan keintelektualan melalui seni tulisan yang mencerminkan satu peradaban Islam yang tinggi di rantau ini. Perkembangan keintelektualan yang dipengaruhi oleh unsur-unsur murni agama Islam ini telah memancarkan sinarannya di Malaysia, khususnya melalui aktiviti tulisan Arab dan tulisan Jawi yang dimanifestasikan dalam seni kaligrafi Islam.

Peranan dan kesan Islam yang dilihat pada bahasa dan tulisan secara realitinya menyatakan daya budi dan akal yang merangkumi pemikiran rasional. Kenyataan ini dapat diperolehi melalui lakaran kaligrafi yang selalunya tidak sepi daripada dekorasinya yang pelbagai untuk menyatakan mesej yang tertentu.

Sejarah perkembangan kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai perkaitan yang rapat dengan kedatangan agama Islam ke Alam Melayu. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu bersama kitab suci al-Quran yang merupakan kemuncak ilmu bahasa Arab dan memiliki kewibawaan yang tunggal dalam menentukan nahu bahasa Arab menjadi pencetus seni kaligrafi Islam. Tambahan pula, isi kandungan al-Quran tidak menolak seni untuk dihayati oleh umat manusia.

Pengaruh agama Islam yang datang ke Alam Melayu pada abad ke-7 hingga 13 M itu juga sebenarnya adalah seiring dengan penyebaran kesenian Islam. Kesenian Islam telah tersebar di seluruh dunia Islam semenjak abad ke-7 hingga 20 M dan menjadi suatu kesinambungan ketamadunan Islam yang tinggi dan murni serta menjadi

betapa luasnya wilayah Islam. Kesenian yang sinonim dengan ajaran Islam terawal yang mendapat tempat tertinggi ialah dalam aspek tulisan atau kaligrafi Islam.

Seni kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan ajaran al-Quran yang menekankan perihal pentingnya tulisan dalam aspek kehidupan manusia. Kepentingan tulisan (*qalam*) dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud, “Nun, demi kalam dan apa yang mereka tulis” (Al-Quran, Al-Qalam:1). Pengaruh al-Quran amat besar dalam merubah tradisi bahasa lisan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada awalnya kepada tradisi bahasa bertulis.

Tradisi bertulis berkembang apabila intelektual Melayu telah sedikit sebanyak mengasimilasikan gaya bahasa dan tulisan Arab sebagai tulisan bahasa sendiri yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Mereka telah membuat penyesuaian ke atas huruf-huruf Arab berdasarkan fonetik bahasa Melayu, sehingga tulisan Jawi terarah kepada kecemerlangan ilmu pengetahuan yang tinggi apabila tulisan ini semakin luas penggunaannya di kalangan intelektual Melayu.

Tulisan, sebagai satu aspek yang mencirikan ketamadunan yang tinggi telah melahirkan para ilmuan yang mahir dalam seni menulis lakaran yang indah dengan menggunakan huruf-huruf Arab ini, atau dalam literasi bahasa Arabnya ialah “Khat”. Khat atau kaligrafi Islam yang terawal dikesan di Malaysia ialah tulisan Jawi yang tertera pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 M.

Pada artifak sejarah yang lain, yang termaktubnya tulisan kaligrafi Islam ini ialah perkataan “Allah” yang tertera pada batu hidup yang ditemui di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan (Amat Juhari Moain, 1996:20); pada kitab-kitab atau buku yang ditulis

dalam bentuk manuskrip ataupun cat batu, misalnya pada manuskrip Melayu tertua iaitu kitab ‘Aqa’id al-Nafasi yang bertarikh 998 H bersamaan 1590 M; pada suratkhabar dan majalah seperti surat khabar Alamat Lankapuri (Colombo 1969), majalah Bustan Arifin (Melaka 1236 H/1821 M) (Amat Juhari Moain, 1996:21); dan wakalah pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 (Amat Juhari Moain, 1996:22).

Tulisan kaligrafi Islam ini kemudiannya telah dipelajari dan digarap oleh masyarakat Melayu dalam pelbagai jenis lapangan dan hasil karya yang mereka ciptakan. Kaligrafi Islam telah melingkari semua aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia, seperti pada batu-batu nisan, barang-barang hiasan, tekstil, senjata, ukiran, senibina masjid, bangunan dan sebagainya.

Pemakaian seni kaligrafi Islam yang meluas di Malaysia membuktikan kehadiran tokoh-tokoh yang memiliki kewibawaan yang telah mengilhamkan karya-karya mereka yang teragung dalam seni kaligrafi Islam. Antara tokoh-tokoh kaligrafi Islam yang terkenal ialah Allahyarham Syed Abdul Rahman Bin Hassan al-Attas, Allahyarham Haji Omar Basri, dan Ustaz Mohammed Yusof Abu Bakar.

Kaligrafi Islam telah mencetuskan sebuah ketamadunan Melayu Islam yang unggul di Malaysia. Sejak dari awal kemunculannya hingga ke hari ini, kaligrafi sering mendapat tempat di mata masyarakat Malaysia. Pencerminan tamadun Melayu Islam melalui kaligrafi Islam dikekalkan melalui aktiviti-aktiviti pameran yang sering diadakan, penubuhan institusi yang berkaitan dengan aspek kesenian Islam, seperti Muzium Kesenian Islam Malaysia dan sebagainya.

3.4 TOKOH-TOKOH PELOPOR

Kesenian kaligrafi Islam telah melahirkan ramai tokoh dan penulis kaligrafi Islam yang penting di Malaysia. Kehadiran para seniman kaligrafi Islam ini memanjangkan usia peradaban Islam yang murni dalam bidang seni rupa yang indah dan paling mendapat tempat di minda masyarakat Malaysia. Pengkajian kesenian kaligrafi Islam sehingga hari ini telah melahirkan ramai tokoh seni itu yang berwibawa dalam bidang yang mereka ceburi, namun memandangkan ruang yang amat terbatas, penulis hanya mengambil beberapa orang tokoh sahaja.

3.4.1 Syed Abdul Rahman Bin Hassan al-Attas (1898-1980)

Ustaz Syed Abdul Rahman bin Hassan al-Attas Al-Azhari telah dilahirkan di Johor Bharu pada tahun 1898. Allahyarham Syed Abdul Rahman telah dihantar oleh bapanya untuk mempelajari kesenian kaligrafi Islam di Madrasah Tahsin Al-Khuttut, iaitu Sekolah Seni Tulis yang terkemuka di Qaherah, Mesir pada tahun 1910 hingga 1914. Selepas itu, beliau mempelajari kesenian kaligrafi Islam di Al-Azhar, Qaherah (Buku Cenderamata, “Pameran Pertandingan Seni Khat”, 1981:29).

Allahyarham juga pernah mengajar seni kaligrafi Islam di Madrasah Al-Attas, Johor Bharu, pada sekitar tahun 1976 dan 1977. Pada tahun 1980, beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika usianya mencapai 82 tahun, setelah memberi sumbangan yang amat bermakna dalam kesenian kaligrafi Islam.

Allahyarham terkenal dengan kaligrafi Islam model Thuluth. Beliau berpendapat model ini merupakan raja bagi segala tulisan (khat). Pada peringkat umur tujuh puluhan,

beliau telah mencipta karya-karya seni dengan cara tampalan iaitu suatu karya yang dihasilkan dengan kaedah yang rumit. Kaedah ini sesungguhnya agak tersendiri di Malaysia (H.M. Bukhari Lubis (ed.), 1998:119).

Karya-karya Allahyarham banyak diabadikan pada bangunan-bangunan dan masjid, seperti di bangunan Maqam Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, bangunan Parlimen Malaysia, dan Masjid Jame' Bandar Sri Begawan, Brunei. Selain itu, karya-karya beliau turut menjadi himpunan D.Y.M.M. Sultan Johor, himpunan Muzium Seni Asia Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan himpunan-himpunan persendirian.

Himpunan tiga jenis model kaligrafi Islam, iaitu Thuluth, Naskh dan Riq'ah telah dikemaskinikan oleh beliau dan diterbitkan dalam karyanya yang berjudul “Buku Yang Pertama Tulisan Cantik”.

3.4.2 Haji Omar Basri (1918-1987)

Allahyarham telah dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1918 dan mendapat pendidikan di beberapa buah sekolah, seperti Sekolah Arab Al-Attas di Johor Bharu pada tahun 1928-1934. Buat pertama kalinya, di sinilah beliau telah mempelajari asas-asas dan hukum-hukum tentang seni kaligrafi Islam daripada En. Abdul Ghaffar Bin Mohammad Nor yang merupakan anak murid seniman kaligrafi Islam yang terkenal, iaitu Allahyarham Syed Abdul Rahman.

Dari aspek kerjaya, beliau pernah bekerja sebagai peniaga kain dan menjadi pemberita bebas di Pulau Pinang sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959.

Kemudian beliau bekerja sebagai Ketua Juru Kamera, Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1960 sehingga tamat tempoh perkhidmatannya pada tahun 1973. Selepas bersara, beliau masih lagi aktif dan bertugas sebagai pensyarah sambilan di Bahagian Seni dan Reka Bentuk, Institut Teknologi Mara sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1987.

Memori terhadap beliau tidak pernah luput dalam ingatan pencinta seni kaligrafi Islam, kerana beliau telah meninggalkan warisan karya-karyanya dalam bidang seni kaligrafi Islam, terutamanya hasil-hasil ciptaan di atas kepingan kaca. Beliau juga banyak mengaplikasikan model thuluth dan naskhi yang dipadankan dengan ayat-ayat suci al-Quran, kata-kata hikmat dan ungkapan-ungkapan Melayu di dalam hasil karyanya.

Karya-karya Allahyarham banyak diabadikan sebagai koleksi orang perseorangan dan koleksi Muzium Seni Asia, Universiti Malaya. Karya beliau juga terdapat di bangunan Standard Chartered Bank di Jalan Ampang, pada logo Universiti Putra Malaysia dan pada Tunas Jati, iaitu sebuah syarikat perkapalan di Pulau Pinang.

3.4.3 Ustaz Mohammed Yusof Abu Bakar (1930)³

Ustaz Mohammed Yusof Abu Bakar dilahirkan di Bachok, Kelantan pada 14 Oktober 1930. Beliau adalah seorang yang mahir dalam pelbagai jenis kaligrafi Islam kerana mempunyai banyak pengalaman mengenai seni tersebut, iaitu semasa beliau

³ Maklumat diperolehi melalui wawancara penulis dengan Ustaz Muhammed Yusof Abu Bakar (Penulis Seni Khat) di rumah beliau pada 21 hb September 2000 antara jam 10.30 a.m. hingga 2.00 p.m.

mengikuti kelas dan pembelajaran seni kaligrafi Islam sama ada di Malaysia, Arab Saudi, Mesir atau setelah bertugas dalam bidang pendidikan.

Beliau pernah berkecimpung dalam bidang pendidikan sejak tahun 1954-1989. Karier beliau yang pertama ialah memegang jawatan sebagai guru di Sekolah Rendah Aziziah, Makkah, Arab Saudi pada tahun 1954 hingga 1955. Beliau kemudiannya menjawat jawatan sebagai pensyarah di Kolej Islam Malaya pada tahun 1964 hingga tahun 1970. Kemudian pada tahun 1971-1976, beliau masih memegang jawatan yang sama di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1976-1985, beliau bertugas di jabatan kerajaan, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Pegawai Bahagian Pendidikan Islam. Kemudian, pada tahun 1985, beliau dilantik sebagai Pengetua Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya sehingga ke tempoh persaraannya daripada perkhidmatan kerajaan, iaitu pada tahun yang sama.

Karier beliau tidak hanya berakhir di sini kerana beliau telah diambil untuk berkhidmat sebagai pensyarah sementara Kursus Tamadun Islam (Seni Islam) di Universiti Malaya pada tahun 1986 hingga tahun 1989. Sepanjang tempoh perkhidmatannya itu, beliau juga telah dilantik sebagai Yang Di Pertua Persatuan Seni Khat Kebangsaan hingga tahun 2000. Kemudian pada tahun 1997, beliau berkhidmat sebagai Konsultan Bahagian Seni Khat dalam projek penulisan al-Quran mushaf Malaysia dan ini merupakan jawatan terkini yang beliau sandang.

Sebagai seorang penulis kaligrafi Islam, yang berwibawa, beliau seringkali melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seni kaligrafi Islam seperti pameran dan

pertandingan. Karya-karya yang beliau hasilkan banyak diabadikan di beberapa buah masjid utama, seperti Masjid Sultan Abdul Aziz, Petaling Jaya; Masjid At-Takwa, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur; Masjid Negara dan Masjid Assykirin, Bintulu, Sarawak.

3.5 TANGGAPAN MASYARAKAT MELAYU TERHADAP SENI KALIGRAFI ISLAM DI MALAYSIA

Masyarakat Melayu di Malaysia memberi nilai yang tinggi terhadap kesenian kaligrafi Islam kerana ia merupakan salah satu cabang daripada seni rupa Islam yang banyak memanifestasikan konsep Tauhid melalui hasil ciptaannya. Hadis Rasulullah yang bermaksud, “Allah Maha Cantik dan Allah suka kepada keindahan” adalah sinonim dengan agama Islam itu sendiri yang amat menekankan kebersihan dan kecantikan. Unsur-unsur kebersihan dan kecantikan ini pula diaplikasikan dalam aspek seni, iaitu seni kaligrafi Islam yang menjadi fokus utama penulis.

Bermula dari sinilah muncul berbagai-bagi ciri yang diusahakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia untuk menyampaikan maksud ajaran Islam itu. Ekoran itu, muncul berbagai-bagi kebudayaan dan kesenian untuk menggambarkan rupa dan lambang keislaman mereka. Rahmah Haji Bujang yang bersetuju dengan takrifan seni yang dikemukakan oleh Goethe, menyatakan betapa perlunya memahami konsep kesenian yang merujuk kepada falsafah agama Islam yang menjadi asas kerohanian orang Melayu. Beliau yang memetik ungkapan Goethe untuk menjelaskan seni itu lebih bermakna sebagai,

“Seni hanya bertapak dipermukaan kejadian alam; tetapi seni mempunyai kedalamannya dan tarikannya yang tersendiri; yang tercerita di dalamnya detik-detik

terpenting sesuatu fenomena buatannya hasil dari kesedaran dalamnya berkenaan ciri peradaban, ciri kesimbangan yang harmonis hingga lahir darinya mercu keindahan, ciri kepentingan kemuliaan, ciri kemuncak pencapaian kesan perasaan” (Dipetik daripada Rahmah Haji Bujang, dalam Hashim Awang AR, Zahir Ahmad dan Zainal Abidin Borhan (ed.), 1998:36).

Masyarakat Melayu turut mempunyai rasa estetika dan berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang mengandungi keindahan dan menyeronokkan. Pada tingkat yang lebih tinggi, di kalangan mereka yang berbakat dan berketrampilan, berjaya pula membentuk dan mencipta sesuatu yang menyenangkan dirinya dan orang lain.

Seni kaligrafi adalah salah satu seni yang digemari oleh masyarakat Islam, khususnya di Malaysia. Ia berkembang sejak permulaan kedatangan agama Islam lagi. Kedatangan Islam tidaklah memberi penekanan kepada persoalan seni, namun asas-asas yang menyediakan tapak bagi kelahiran seni yang mempunyai nilai keislaman ini cukup kuat, terutama dari sudut jiwa yang menjadi obor terkuat yang menyuluh ke arah ciptaan seni yang tertinggi.

Seni kaligrafi Islam adalah salah satu daripada seni rupa Islam, iaitu satu bentuk kesenian yang dihasilkan untuk dijadikan sebagai bahan artifak atau bahan untuk dinikmati oleh semua masyarakat. Seni kaligrafi Islam tergolong dalam seni tradisi Melayu, iaitu seni tulis dan berkembang bersama seni-seni yang lain, misalnya seni ukir, seni tenun, seni anyaman, seni tembikar dan seni lukis. Tradisi seni Melayu, atau dalam konteks yang lebih luas, budaya ekspresif Melayu, mengungkapkan tradisi budaya Melayu melalui bentuk-bentuk dan jenis seni rupa tradisi Melayu (Dipetik daripada Rahmah Bujang dan Wan Abdul Kadir Wan Yusof, dalam Wan Abdul Kadir dan Hashim Awang AR (ed.), 1997:128-129).

Justeru itu juga, oleh sebab tulisan Jawi itu berasal daripada tulisan Arab, maka tulisan Jawi telah dipengaruhi oleh bidang seni yang unggul ini. Walaupun hanya segelintir sahaja yang mahir dalam seni kaligrafi Islam, namun tulisan Jawi yang ditulis oleh orang-orang Melayu yang tidak mempelajari seni itu sedikit sebanyak mempunyai persamaannya.

Nilai yang tertinggi terhadap seni kaligrafi Islam yang diberikan oleh masyarakat Melayu di Malaysia ialah, pada tahap awal lagi kesenian itu telah dijadikan salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Arab atau agama. Terdapat juga individu-individu yang mempunyai minat dan kemahiran memberi komitmen yang tinggi sehingga kesenian tersebut berkembang hingga ke hari ini.

Antara jenis-jenis kaligrafi Islam yang terkenal dan mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia ialah model naskhi, thuluth, kufi, riq'ah diwani, farisi, raihani serta berbagai-bagai pecahan lagi daripadanya. Kesenian ini terus berkembang dan banyak menerima banyak perubahan. Jenis-jenis kaligrafi Islam ini tidak terhad perkembangannya kepada tulisan berbahasa Arab semata-mata, malah berkembang bersama-sama tulisan umat Islam yang lain (tulisan Jawi) dengan menjadikan huruf-huruf al-Quran sebagai abjad penulisan mereka.

Sesungguhnya dengan keistimewaannya, seni kaligrafi Islam telah dapat menarik kekaguman indera, kehalusan rasa dan kekudusan jiwa. Hal ini menjadikan seni kaligrafi Islam ini sebagai seni yang suci. Oleh sebab kesuciannya ini, masyarakat Melayu telah memberi penghormatan yang tinggi terhadap seni ini. Pada awal-awal lagi didapati bahawa surat-menjurat antara raja-raja Melayu, surat tauliah, perlantikan, perhiasan dan

ukiran di masjid, madrasah, sekolah agama, batu nisan, barang-barang perhiasan dan ukiran tertera dengan tulisan kaligrafi Islam yang indah.

Keindahan dan keistimewaan seni kaligrafi Islam sehingga kini semakin menarik minat masyarakat Melayu. Tulisan yang indah itu menjadi sebahagian dekorasi dan didapati di serata tempat, seperti yang telah dinyatakan di atas tadi. (Penulis akan menjelaskan secara lebih lanjut pada Bab 4 nanti).

Komitmen yang tinggi oleh masyarakat Melayu terhadap seni kaligrafi Islam dizahirkan melalui penubuhan beberapa institusi yang memainkan peranan penting dalam aktiviti-aktiviti seni rupa Islam ini, misalnya Muzium Kesenian Islam Malaysia. Secara keseluruhannya, semua ini menunjukkan bahawa seni kaligrafi Islam sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada kebudayaan dan ketamadunan masyarakat Melayu yang bercirikan Islam.